

KAJIAN HUBUNGAN ANTARA BANTUAN KERAJAAN DENGAN PRESTASI PERNIAGAAN USAHAWAN WANITA DI ACEH SERTA KESAN MODERASI PERSEKITARAN LUAR PERNIAGAAN

*(THE RELATIONSHIP BETWEEN GOVERNMENT ASSISTANCE
AND BUSINESS PERFORMANCE OF WOMEN ENTREPRENEURS IN ACEH:
THE MODERATOR BUSINESS ENVIRONMENT)*

Agusmiati

Pelajar PhD

School of Business Management
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
agus_myati@yahoo.com

Azahari Ramli

School of Business Management
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
arie@uum.edu.my

Donny Abdul Latief

School of Tourism

Hospitality and Event Management
Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah
donny@uum.edu.my

Abstrak: *Kertas konseptual ini adalah untuk mengkaji hubungan antara bantuan kerajaan dan prestasi perniagaan PKS usahawan wanita di Aceh, Indonesia. Makalah ini mencadangkan satu rangka kerja yang menggambarkan peranan sederhana persekitaran luar perniagaan dalam hubungan antara bantuan kerajaan dan prestasi perniagaan PKS wanita di Aceh. Rangka kerja dibangunkan berdasarkan kajian pelbagai literatur yang ada, dan dianggap bahawa hubungan bantuan kerajaan terhadap prestasi perniagaan PKS wanita bergantung kepada persekitaran luar perniagaan.*

Kata kunci: *Bantuan kerajaan, persekitaran luar perniagaan dan prestasi perniagaan PKS wanita.*

Abstract : *This article discusses the concept of the relationship between government assistance and business performance of women entrepreneurs in Aceh, Indonesia. This paper proposes a framework which illustrates the moderating role of business environment in the relationship between government assistance and business performance of women entrepreneurs. The proposed framework is developed based on the review of extant literature. Based on the proposed framework, it is presumed that the the relationship between government assistance and business performance of women entrepreneurs is dependent on business environment.*

Keyword: *Government assistance, business environment, business performance of women entrepreneurs.*

2018 JGBSE

Pengenalan

Prestasi perniagaan usahawan wanita telah diiktiraf sebagai salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Anna Nikina Lois M. Shelton Severine LeLoarne, 2015; Mohamad, Maliani & Muhammad Shukri Bakar, 2017), dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat ramai (Kartini Mat Rashid et al., 2015; Verni Y. Ismail, 2013). Di Indonesia, pihak kerajaan turut meniktiraf kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) milik wanita sebagai pemangkin kepada pengwujudkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, PKS wanita di Indonesia masih menghadapi masalah domestik yang menjadi kekangan kepada prestasi. Kesannya, ia telah menyekat prestasi perniagaan mereka (Tambunan, 2017).

Banyak pengkaji keusahawanan bersetuju pada tiga perkara yang menerangkan tentang tahap prestasi perniagaan bagi sesebuah PKS iaitu kelangsungan, keuntungan dan pertumbuhan (Simpson et al., 2013). Walaupun semakan literatur menunjukkan bahawa penyelidikan keusahawanan adalah penting dan telah mendapat banyak perhatian pada tahun-tahun kebelakangan ini, namun kajian bidang ini masih di peringkat awal (Saade, 2013).

Oleh itu terdapat keperluan untuk terus mengkaji faktor-faktor yang dapat meningkatkan pertumbuhan dan seterusnya dapat meningkatkan kecemerlangan prestasi perniagaan PKS terutamanya di kalangan usahawan wanita. Antara faktor yang membawa kepada kegagalan perniagaan PKS adalah kekurangan sumber organisasi sama ada yang berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Keadaan ini telah dijelaskan oleh Wade dan Hulland (2004) yang menyatakan sumber-sumber organisasi ini merupakan antara faktor yang dapat digunakan untuk membina dan mengekalkan kelebihan daya saing perniagaan. Menyedari kelemahan dan kekurangan dalam pemilikan sumber-sumber organisasi banyak pihak seperti Jauriyah (2015), Maryam Imam Ibrahim, Ooi Yeng Keat, dan Shamsul Huda

(2016) telah mencadangkan supaya kerajaan memberikan bantuan kepada pihak PKS. Bantuan yang diberikan boleh dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan dijangka akan dapat mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh pihak PKS tersebut.

Bantuan kerajaan kepada keusahawanan dilihat sebagai alat dasar yang bertujuan membantu PKS daripada kegagalan perniagaan, dan memberi peluang untuk mampu bersaing dalam pasaran terbuka, sehingga perniagaan PKS boleh mengekalkan prestasinya di masa hadapan (Ahmad & Abd Latif, 2012; Mole, 2002). Menurut Vадnjal (2011), walaupun bantuan kerajaan untuk menyokong prestasi perniagaan PKS telah dibincangkan secara meluas, namun masih terdapat perdebatan yang berterusan di kalangan pembuat dasar, pengamal dan ahli akademik. Di samping itu, hasil kajian hubungan antara bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan PKS masih tidak konsisten. Seperti kajian Ahmad dan Abd Latif (2012) , Berry et al. (2006), Teuku Syarif dan Ety Budhiningasih (2009), Jauriyah (2015) dan Mathibe (2010) mendapati hubungan positif antara bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan PKS, namun kajian Park dan Ren (2001) mendapati hubungan bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan PKS adalah bersifat negatif.

Dalam kajian keusahawanan yang tertumpu pada sumber- sumber organisasi, Teori Pandangan Asas Sumber (*Resource-Based View Theory*) telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik untuk memberikan pemahaman tentang pelbagai sumber-sumber organisasi, dan bagaimana keupayaan daripada organisasi untuk mengintegrasikan elemen strategik dan elemen bukan strategik untuk mencapai prestasi perniagaan (Bharadwaj, 2000; Fernandes et al., 2005; Mills dan Fleury, 2005; Jauriyah, 2015; Kang dan Park, 2012; Rosli 2015).

Selanjutnya, dalam pandangan penyelidikan keusahawanan yang berlainan, peringkat awal untuk meneroka perniagaan adalah tahap kritikal untuk kebanyakan usahawan, sehingga perlu menguruskan sumber-sumber mereka dengan cekap dalam mengurangkan risiko ketidakupayaan perniagaan (West & Noel, 2009). Dalam perspektif teori kontingensi pengurusan organisasi senantiasa dipengaruhi oleh berbagai aspek persekitaran dalaman dan luar yang tidak menentu (Muhammad Hasmi et al., 2004). Organisasi perlu melakukan strategi dan mengurus faktor-faktor luar jangka dengan baik bagi mencapai prestasi perniagaan (Donaldson, 2001). Seterusnya, untuk mencapai prestasi terbaik, menurut pendapat Bess dan Dee (2008) sesebuah organisasi perlu menyelaraskan strateginya dengan keperluan dan perubahan persekitaran luar perniagaan mereka. Selain itu, organisasi firma perlu berdepan dengan berbagai halangan daripada persekitaran dalaman dan persekitaran luaran untuk mencapai prestasi yang cemerlang (Rauch, Wiklund, Lumpkin dan Frese, 2009).

Terdapat banyak kajian yang mengkaji kesan faktor kontingensi terhadap pengurusan sumber-sumber organisasi dengan prestasi seperti Azizi (2010), Covin dan Slevin (1990, 1991), Lumpkin dan Dess, (1996, 2001), Shuhymee (2010), Zahra (1991,1993), Zahra dan Covin (1995).

Walau bagaimanapun, tiada satupun ketetapan yang menjadi pengukur mutlak menjadi penyederhana antara hubungan sumber organisasi dengan prestasi. Menurut Sharfman dan Dean (1991) belum lagi ditemui faktor yang unggul yang memberi kesan secara konsisten ke atas prestasi firma. Oleh itu, adalah wajar dimensi-dimensi persekitaran luaran yang bertindak sebagai pembolehubah penyederhana ini terus dikaji dari masa kesemasa (Lumpin & Dess, 1996; Covin & Slevin, 1991; Simerly & Li, 2000).

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi perniagaan usahawan wanita di Aceh, dan menilai kesan penyederhana persekitaran luar perniagaan terhadap hubungan antara bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan usahawan wanita di Aceh Indonesia.

Kajian Literatur Prestasi perniagaan

Prestasi perniagaan merupakan isu utama yang dititikberatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam sesebuah organisasi firma seperti pemilik, pembekal, pelabur dan pekerja (Madrid- Guijarro Auken & Garcia, 2007). Prestasi perniagaan menjadi aspek penting untuk diuruskan dengan baik oleh sesebuah organisasi sebab ianya merupakan wujud kepada seluruh aktiviti dan operasi yang dilakukan oleh usahawan untuk mengukuhkan perniagaan mereka (Shu-HuiChuang & Hong-NanLin, 2017). Selain itu, penilaian prestasi perniagaan sangat berguna dalam usaha firma menambah baik dasar-dasar program yang sedia ada (Rozana & Abdul Hakim, 2005).

Dari sisi lain, Fauzul et al., (2010) menyatakan peranan penting prestasi perniagaan adalah sebagai hasil dari tujuan-tujuan organisasi yang dicapai melalui pelbagai strategi. Manakala Najmi, Rigas dan Fan, (2005) turut pula menyatakan bahawa, semestinya dalam pasaran yang kompetitif dan perubahan persekitaran yang tidak menentu adalah sangat penting bagi setiap organisasi untuk sentiasa memeriksa prestasi perniagaannya, agar operasi yang dijalankan boleh bertahan dari masa kemasa.

Bantuan Kerajaan

Bantuan kerajaan dibuktikan melalui perbincangan konseptual sebagai faktor penyumbang bagi aktiviti usahawan untuk bertahan (Lazim & Azizan, 2013;

Yusoff, 2011, Yusuf, 2010; Zainol & Daud, 2011; Shanmugam, 2013). Terdapat beberapa kajian mengenai bantuan kerajaan bagi usahawan, Berry et al., (2006) yang mengambil sampel kepada pemilik / pengurus PKS di United Kingdom, ianya telah mendapati hubungan yang positif antara bantuan kerajaan dalam bentuk bantuan kewangan dengan prestasi perniagaan PKS. Manakala kajian oleh Jauriyah (2015) telah pula mendapati hasil yang sama antara hubungan bantuan kerajaan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan dengan prestasi perniagaan PKS dinegara Malaysia. Dapatan kajian yang sama oleh Teuku Syarif dan Ety Budhiningsih (2015) terhadap PKS di Indonesia. Namun tidak dinafikan bahawa terdapat kajian yang dilakukan oleh Park dan Ren (2001) dinegara Korea, justru mendapati hubungan antara bantuan kewangan dari kerajaan adalah bersifat negatif dengan prestasi perniagaan PKS. Walaupun perbincangan menunjukkan pentingnya bantuan kerajaan bagi usahawan untuk mencapai prestasi perniagaan, namun masih kekurangan bukti empirik dalam membuktikan keberkesanan bantuan kerajaan terhadap prestasi perniagaan usahawan (Yusoff, Yaakob & Ibrahim, 2010; Yusuf, 2012; Shanmugam, 2013). Oleh itu, kajian ini menunjukkan hipotesis

H1 : Terdapat hubungan antara bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan PKS wanita.

Persekitaran Luar Perniagaan

Sesebuah organisasi yang ingin terus maju dalam persaingan, perlu aktif , konsisten dan mampu sesuaikan terhadap kesan dan tekanan dari faktor persekitaran luaran yang tidak menentu (Davis, 2007; Rosli, 2015). Donaldson (2001) mencadangkan agar organisasi sentiasa membuat perubahan-perubahan dalam bentuk inovasi agar mampu mengimbangi kesan- kesan oleh tekanan persekitaran luar perniagaan dan senantiasanya menyusun struktur dalaman agar bersesuaian dengan pengaruh persekitaran luar perniagaan.

Menerusi pandangan Rosli (2015) dan Shuhymee Ahmad. (2010) bahawa pengaruh persekitaran luar perniagaan sebagai pembolehubah penyederhana masih kurang diberi perhatian dan mencadangkan faktor persekitaran luar perniagaan perlu terus dikaji sebagai pembolehubah penyederhana untuk melihat kesan selanjutnya ke atas hubungan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan.


Oleh itu, pelbagai perbincangan di atas, terdapat wujud kebarangkalian terhadap persekitaran luaran perniagaan menjadi penyederhana antara bantuan kerajaan dan prestasi perniagaan PKS wanita dan diwakili oleh pengujian hipotesis H2:

H2 : Persekitaran luar perniagaan adalah penyederhana ke atas hubungan antara bantuan kerajaan dengan prestasi perniagaan PKS wanita.

Kesimpulannya

Makalah ini mencadangkan rangka kerja yang menggambarkan kesan penyederhana persekitaran luar perniagaan mengenai hubungan antara bantuan kerajaan terhadap prestasi perniagaan PKS wanita. Secara teorinya, kajian ini memberikan pandangan mengenai hubungan antara sumber-sumber organisasi dengan prestasi perniagaan PKS wanita. Selain itu pula kajian ini, ia akan menjadi tambahan kepada literatur seperti yang dijalankan. Di Indonesia terdapat kekurangan kajian yang difokuskan pada prestasi perniagaan usahawan wanita dalam konteks tempatan (Ahmad & Xavier, 2012).

Implikasinya ialah, kajian ini akan mendedahkan perspektif baru kepada prestasi perniagaan PKS wanita dalam menggunakan peluang untuk meningkatkan prestasi perniagaannya. Seterusnya, kajian ini memberikan maklumat baru untuk usahawan masa depan, utamanya yang berkait dengan bantuan kerajaan bagi usahawan (Delanoe, 2011). Selain itu, menyediakan maklumat terkini untuk kerajaan dan pihak berkepentingan untuk membuat strategi terbaik dan bantuan yang berkesan, utamanya terhadap perniagaan usahawan wanita.



RUJUKAN

- Ahmad, S., A., & Abd Latif, I. (2012). The effectiveness of public advisory services: What are the important factors? *International Journal of Business and Management*, 7(23), 19-30.
- Anggadwita, G., Luturlean, B. S., Ramadani, V., & Ratten, V. (2017). Socio-cultural environments and emerging economy entrepreneurship: Women entrepreneurs in Indonesia. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, 9(1), 85-96.
- Amran, A., Khalid, S. A., Yusof, A. A., Mohamed Kassim, K., Ismail, M., Shekh Zain, R., & Sintha Madar, A. R. (2009). Entrepreneurial orientation and performance relations of Malaysian Bumiputra SMEs: The impact of some perceived environmental factors. *International Journal of Business and Management*, 4(9), 84-96.
- Barney, J. (1991). Firm resources and sustained competitive advantage. *Journal of management*, 17(1), 99-120.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173-1182.
- Bennett, R., & Robson, P. (2003). Changing use of external business advice and government supports by SMEs in the 1990s. *Regional Studies*, 37(8), 795-811.
- Carmeli, A., & Tishler, A. (2004). The relationships between intangible organizational elements and organizational performance. *Strategic management journal*, 25(13), 1257-1278.**
- Clulow, V., Barry, C., & Gerstman, J. (2007). The resource-based view and value: the customer-based view of the firm. *Journal of European Industrial Training*, 31(1), 19-35.
- Covin, J. G., & Slevin, D. P. (1989). Strategic management of small firms in hostile and benign environments. *Strategic management journal*, 10(1), 75-87.
- Covin, J. G., & Slevin, D. P. (1990). Competitive aggressiveness, environmental context, and small firm performance. *Entrepreneurship Theory & Practice*, 14(4), 35-50.
- Covin, J. G., & Slevin, D. P. (1998). Adherence to plan, risk taking, and environment as predictors of firm growth. *The Journal of High Technology Management Research*, 9(2), 207-237.
- Covin, J. G., Slevin, D. P., & Heeley, M. B. (2000). Pioneers and followers: Competitive tactics, environment, and firm growth. *Journal of Business Venturing*, 15(2), 175-210.
- Covin, J., & Miles, M. (1991). Corporate entrepreneurship and the pursuit of competitive advantage. *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 23(3), 47-57.

- Dess, G. G., & Beard, D. W. (1984). Dimensions of organizational task environments. *Administrative Science Quarterly*, 17, 313-327.
- Dess, G. G., & Robinson, R. B., Jr. (1984). Measuring organizational performance in the absence of objective measures: The case of the privately-held firm and conglomerate business unit. *Strategic Management Journal*, 5(3), 265-273.
- Dess, G. G., Lumpkin, G. T., & Eisner A. B. (2007). *Strategic Management: Text and cases*. New York: Mc Graw-Hill/Irwin.
- Dollinger, M. J. (2003). *Entrepreneurship: Strategies and Resources (3rd ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Eniola A, Entebang H. Government Policy and Performance of Small and Medium Business Management. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 2015; 5(2): 237–248.
- Hair, J. F. (2007). *Research methods for business*. Chichester, West Sussex, England ; Hoboken, N.J.: John Wiley & Sons Ltd. Hair, J. F., Anderson, R. E.,
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis : a global perspective (7th ed.)*. Upper Saddle River, N.J. ; London: *Pearson Education*. Hakimy, I. (2004).
- Hall, R. (1992). The strategic analysis of intangible resources. *Strategic management journal*, 13(2), 135-144.
- Jauriyah. (2015). *Malaysian SME performance and the goverment business support services: The moderating effects of absorptive capacity (Tesis PHD, Universiti Utara Malaysia, 2015)*.
- Kabir, M., Ibrahim, H. I., & Shah, K. A. M. (2017). Entrepreneurial competency as determinant for success of female entrepreneurs in Nigeria. *Indonesian Journal of Business and Entrepreneurship (IJBE)*, 3(2), 143.
- Kang, K. N., & Park, H. (2012). Influence of government R&D support and inter-firm collaborations on innovation in Korean biotechnology SMEs. *Technovation*. 32(1), 68-78.
- Kyung-N.,K., Hayong,K. (2012).” Influence of government R&D support and inter-firm Collaborations on Innovation in Korean Biotechnology SMEs. *Elsevier Tecnovation*.Volume 32.Issue1.January 2012 Pages 68-78.
- Langowitz, N., & Minniti, M. (2007). The entrepreneurial propensity of women. *Entrepreneurship theory and practice*, 31(3), 341-364.
- Li, M., & Simerly, R. L. (1998). The moderating effect of environmental dynamism on the ownership and performance relationship. *Strategic Management Journal*, 19(2), 169-179.
- Lumpkin, G. S., (1996). *The entrepreneurial orientation (EO) of new entrants: Performance implications of alternative configuration of EO, environment, and structure. (PhD Thesis, Texas University. Arlington, 1996)*.
- Lumpkin, G. T., & Dess, G. G. (2001). Linking two dimensions of entrepreneurial orientation to firm performance: The moderating role of environment and industry life cycle. *Journal of business venturing*, 16(5), 429-451.

- Mahdavi, I. (2010). Comparing Men's and Women's Definition of success. *Journal of Behavioral Studies in Business*, 2, 1.
- Man, M. M. K. (2009). The relationship between innovativeness and the performance of small and medium size enterprises (SMEs) of Malaysian manufacturing sector. *International Journal of Management and Innovation*, 1(2), 1-14.
- Mathibe, M. S. (2010). *An evaluation of business support services to SMMEs in the Free State* (Doctoral dissertation, University of the Free State).
- Mitchelmore, S. & Rowley, J. (2013), 'Entrepreneurial competencies of women entrepreneurs pursuing business growth', *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Vol. 20, No. 1, pp. 125–142.
- Mohammed, K., Hazril, I., Ibrahim & Khairul, A.M.S. (2017). *Indonesian Journal Business Entrepreneurship*, Vol 3, no 2.
- Mohd Nor Hidayat Hambali 2011, *Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor*, Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shariff, M. N., Saad, M. R., & Ali, M. S. H. (2006). *Financial Analysis for Entrepreneurship*. Petaling Jaya: Pearson.
- Mole, K., Hart, M., Roper, S., & Saal, D. (2009). Assessing the effectiveness of business support services in England: Evidence from a theory-based evaluation. *Journal of International Small Business*, 27(5), 557-582.
- Munsura, R. Farhana Z. (2014). Female entrepreneurship in Bangladesh: Constraints, Motivation and Success. *Bangladesh e-Journal of Sociology*. Volume 11, Number 2. July 2014.
- Munsura, R. Farhana Z. (2014). Female entrepreneurship in Bangladesh: Constraints, Motivation and Success. *Bangladesh e-Journal of Sociology*. Volume 11, Number 2. July 2014.
- Park, A., & Ren, C. (2001). Microfinance with Chinese characteristics. *World Development*, 29(1), 39-62.
- Park, J. Y., & Kim S. W. (2010). An empirical model to assess the influence of the government's research and development programme on Korean small and medium enterprise (SME) performance. *Asian Journal on Quality*, 11(3), 288- 302
- Quy NH. Legislative Policy in Support of Vietnam SMEs: Analysis and Propositions. *International Journal of Economics and Finance* 2016; 8(2): 226–233. <http://doi.org/10.5539/ijef.v8n2p226>
- Rahman, S. A., Ahmad, N. H., & Taghizadeh, S. K. (2016). Entrepreneurial competencies of BoP entrepreneurs in Bangladesh to achieve business success. *Journal of General Management*, 42(1), 45-63.
- Rahman, S. A., Amran, A., Ahmad, N. H., & Taghizadeh, S. K. (2015). Supporting entrepreneurial business success at the base of pyramid through entrepreneurial competencies. *Management decision*, 53(6), 1203-1223.
- Rahmatullah, M., & Zaman, F. (2014). Female Entrepreneurship in Bangladesh: Constraints, Motivation and Success. *Bangladesh e-journal of Sociology*, 11(2).

- Robbins S P (2006), *Organizational Behavior*, Up Saddle River, New Jersey, Prentice-Hall.
- Robbins, S. P., & Coulter, M. (2007). Principles of management. *Translated by Seyyed Mohammad Arabi and Mohammed Ali Hamid Rafiee and Behrouz Asrari Ershad, Fourth Edition, Tehran: Office of Cultural Studies.*
- Robbins, Stephen P., 1998, *Organizational Behavior: Concepts, Controversies, Application*, 8th ed, *Prentice-Hall International, Inc.*, New Jersey.
- Rosener JB.,(1990).” Ways men and Women Lead “. *Harvard Business Review. Comparative Journal Article.* 01 Nov 1990.
- Rosli. (2015). Hubungan Antara Perancangan Perniagaan, Sumber Pembiayaan dan Persekitaran Luar dengan Prestasi Perniagaan : Kajian Emptrikal PKS di Malaysia (Tesis PHD, Universiti Utara Malaysia, 2015).
- Rosli. (2015). Hubungan Antara Perancangan Perniagaan, Sumber Pembiayaan dan Persekitaran Luar dengan Prestasi Perniagaan : Kajian Emptrikal PKS di Malaysia (Tesis PHD, Universiti Utara Malaysia, 2015).
- Sandberg, K. W. (2003). An exploratory study of women in micro enterprises: gender-related differences. *Journal of small business and enterprise development*, 10(4), 408-417.
- Sarsengali, A. Abdymanapova , Aigul. N. Toxanovaa , Alma, H. Galiyevaa , Ainur Sh. Abildinaa and Anar M. Aitkaliyeva (2016). “Development of Public-Private Partnership in the Republic of Kazakhstan”. *Iejme-mathematics Education.* Vol. 11, NO. 5, 1113-1126
- Shu-Hui Chuang & Hong-NanLin (2017),” Performance implications of information-value offering in e-service systems: Examining The Resouce-based Perspective and Innovation strategy”. *The Journal of Strategic Information System.* Volume 26, Issue 1 March 2017, Pages 22-38.
- Simerly, R. L., & Li, M. (2000). Environmental dynamism, capital structure and performance: A theoretical integration and an empirical test. *Strategic Management Journal*, 21(1), 31-49.
- Suryandari, R. Y., & Yulianti, R. T. (2017). Prestasi pemerksaan ekonomi wanita: Pengalaman di Indonesia (Performance of women economic empowerment: Experiences in Indonesia). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4).
- Syarif, T., & Budhiningsih, E. (2015). Kajian Kontribusi Kredit Bantuan Perkuatan dalam Mendukung Permodalan UMKM. *Jurnal Pengkajian KUKM*, 4(1).
- Tambunan, T. T. H. (2017). Women Entrepreneurs in MSEs in Indonesia: Their Motivations and Main Constraints. *JWEE*, (1-2), 56-86.
- Yusoff, M., & Yaacob, M. (2010). The government business support services in Malaysia: The evolution and challenges in the new economic model. *International Journal of Business and Management*, 5(9), 60-71.
- Yusuf, A. (2002). Environmental uncertainty, the entrepreneurial orientation of business ventures and performance. *International Journal of commerce & Management*, 12(3), 83-103.

- Zahra, S. A. (1991). Predictors and financial outcomes of corporate entrepreneurship: An exploratory study. *Journal of business venturing*, 6(4), 259-285. 439.
- Zahra, S. A. (1993). A conceptual model of entrepreneurship as firm behavior: a critique and extension. *Entrepreneurship theory and practice*, 17, 5-5.
- Zahra, S. A., & Covin, J. G. (1993). Business strategy, technology policy and firm performance. *Strategic Management Journal*, 14, 451-478.
- Zahra, S. A., & Covin, J. G. (1995). Contextual influences on the corporate entrepreneurship-performance relationship: A longitudinal analysis. *Journal of business venturing*, 10(1), 43-58.
- Zahra, S. A., & Garvis, D. M. (2000). International corporate entrepreneurship and firm performance: The moderating effect of international environmental hostility. *Journal of business venturing*, 15(5), 469-492.